

D169

U 8624 AAB
MAHATHIR - PREM R R R

KUANTAN, 19 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI THAILAND JEN TUN PREM TINSULANONDA HARI INI MELANCARKAN PROJEK BERSAMA PENANGKAPAN IKAN TUNA DI LAUT DALAM DENGAN MASING-MASING MENYIFATKANNYA SEBAGAI SATU ERA BARU DALAM INDUSTRI PERIKANAN DI KEDUA-DUA NEGARA.

KEDUA-DUA PERDANA MENTERI JUGA BERHARAP PERMUAFAKATAN ITU BUKAN SAHAJA AKAN MENINGKATKAN LAGI KERJASAMA DALAM BIDANG PERIKANAN, MALAHAN MENERATKAN LAGI PERHUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

KETIKA BERUCAP PADA UPACARA BERSEJARAH ITU DI PELABUHAN KUANTAN, DEKAT SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA USAHAWAN TIDAK HARUS RAGU-RAGU MENCEBURI INDUSTRI PERIKANAN SECARA BESAR-BESARAN KERANA IA TERBUKTI LEBIH MENGUNTUNGGAN SEPERTI DI NEGARA THAI.

BELIAU BERKATA JIKA NEGARA JIRAN ITU MAMPU MEMBINA KAPAL-KAPAL PERIKANAN YANG BESAR, MAKA TIDAK ADA SEBAB, USAHAWAN TEMPATAN TIDAK BOLEH BERBUAT DENIKIAN.

BELIAU BERKATA USAHAWAN TEMPATAN PERLU MENELADANI KEJAYAAN RAKAN MEREKA DI THAILAND KERANA, WALAUPUN NEGARA ITU TIDAK MEMPUNYAI SUMBER IKAN TUNANYA SENDIRI, IA MASIH MAMPU MEMBANGUNKAN PERUSAHAAN MENGETIN IKAN ITU DAN MENJADI SALAH SEBUAH NEGARA PENGEKPORTNYA YANG PENTING. -- LAGI.

1306MST 19 09 87

D176

U 8630 AAB
MAHATHIR - PREM 2 KUANTAN R R R

BELIAU BERKATA NELAYAN TEMPATAN BELUM MENGEKSPLOITASI SUMBER IKAN TUNA DI KAWASAN ZON EKONOMI EKSKLUSIF (ZEE) PERAIRAN NEGARA KERANA KEBANYAKAN DARIPADA MEREKA MASIH MENGAMALKAN CARA PENANGKAPAN IKAN TRADISIONAL.

MASANYA TELAH TIBA BAGI NELAYAN TEMPATAN MENGUBAH AMALAN ITU SELARAS DENGAN PERUBAHAN DAN KEMAJUAN DALAM SEKTOR PERIKANAN MASA KINI, KATANYA.

+KITA HARUS MEMPERBAIKI CARA PENANGKAPAN SUPAYA DAPAT MEMANBAHKAN LAGI TANGKAPAN SERTA MENINGKATKAN PENDAPATAN.+

BELIAU YAKIN JIKA KAWASAN ZEE ITU DITEROKAI DENGAN MENGGUNAKAN KELENGKAPAN DAN TEKNOLOGI MODEN, HASIL PENANGKAPANNYA AKAN DAPAT MEMENUHI PERMINTAAN PERIKANAN DALAM NEGERI DAN UNTUK DIEKSPORT.

BELIAU BERKATA NEGARA AKAN KERUGIAN BESAR JIKA PARA USAHAWAN TEMPATAN TIDAK SANGGUP MENGHADAPI CABARAN UNTUK MENGHARUNGI LAUT DALAM.

PADA MASA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR HANYA SEGELINTIR USAHAWAN TEMPATAN YANG SANGGUP MELABUR DALAM INDUSTRI PENANGKAPAN IKAN WALAUPUN BIDANG ITU BERPONTENSI. -- LAGI.

1333MST 19 09 87

U 8637 AAB
MAHATHIR - PREM 3 KUANTAN R R R

SEMENTARA ITU, JEN TUN PREM BERKATA ANTARA DASAR KERAJAAN THAI IALAH MENINGKATKAN PERHUBUNGAN DENGAN NEGARA-NEGARA JIRAN, TERUTAMA MALAYSIA TERMASUK DALAM BIDANG PERIKANAN.

BELIAU BERKATA MALAYSIA DAN THAILAND TELAH MENIKMATI +PERKONGSIAN HIDUP BERSAMA+ SEJAK ZAMAN BERZAMAN DAN IA HENDAKLAH DIKELAKKAN DEMI KEMAKMURAN DAN KEPENTINGAN KEDUA-DUA NEGARA.

BELIAU MENGGESA NELAYAN-NELAYAN THAI YANG MENYERTAI PROJEK ITU MENJALANKAN TUGAS DENGAN BERKESAN KERANA KERJASAMA SETERUSNYA DALAM INDUSTRI PERIKANAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA AKAN BERGANTUNG PADA KEJAYAAN PROJEK INI.

SEBELUM ITU, MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID BERKATA KEMENTERIANNYA BERHARAP AGAR MALAYSIA DALAM JANGKA MASA SINGKAT DAPAT MENJADI NEGARA PENGEKSORT DAN BUKAN LAGI NEGARA PENGIMPOR IKAN.

BELIAU BERKATA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU, LEBIH BANYAK PELABUR PERLU MENCEBURI INDUSTRI PERIKANAN. -- LAGI.
1403MST 19 09 87

U 8644 AAB
MAHATHIR - PREM 4 KUANTAN R R R R

DATUK SERI SANUSI BERKATA WALAUPUN KEMENTERIAN MENGELUARKAN 317 LESEN UNTUK BOT PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM SEJAK 1986, SAMBUTANNYA HASIH DINGIN KERANA SEHINGGA INI HANYA 51 BOT YANG TELAH BEROPERASI.

NEGARA JUGA MEMERLUKAN TENAGA MAHIR UNTUK MENINGKATKAN INDUSTRI MENANGKAP IKAN LAUT DALAM ITU, KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA PARA BELIA TEMPATAN SEHINGGA INI TIDAK BEGITU BERMINAT MENYERTAI PROGRAM-PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH KEMENTERIAN UNTUK MELATIH MEREKA.

BELIAU BERKATA OLEH KERANA ITU, TENAGA MAHIR DARI THAI TERPAKSA +DIPINJAMKAN+ UNTUK MENJAYAKAN PROJEK PERIKANAN ITU DAN SETAKAT INI HANYA KIRA-KIRA 50 ORANG BELIA MENDAFTARKAN DIRI DENGAN SYARIKAT ITU.

+JIKA SESEBUAH NEGARA MEMPUNYAI TENAGA MAHIRNYA SENDIRI SUDAH TENTU TENAGA MAHIR ASING TIDAK AKAN DIGUNAKAN,+ TEGASNYA.

PADA MAJLIS ITU SEBANYAK 40 BUAH BOT SEBERAT ANTARA 70 HINGGA 200 GRT DIRASMIKAN PELANCARANNYA OLEH JEN TUN PREM DAN DATUK SERI DR MAHATHIR DENGAN PENUH WARNA-WARNI.

BOT-BOT BERKENAAN YANG BERHARGA \$800,000 SEBUAH KEMUDIAN TERUS BELAYAR UNTUK MENJALANKAN OPERASI PENANGKAPAN IKAN. -- BERNAMA.
1424MSY 19 09 87